



**Menteri Sumber Manusia
(Minister of Human Resources)**

KENYATAAN MEDIA

KSM dan KBS Gembleng Tenaga Bantu Belia Peroleh Pekerjaan

1. Prihatin akan isu pengangguran khususnya dalam kalangan belia yang semakin serius sejak pandemik Covid-19, Kementerian Sumber Manusia (KSM) bersama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menganjurkan **Karnival PenjanaKerjaya Belia 2020** yang berlangsung dari 24 November hingga 26 November 2020.
2. Penganjuran karnival kerjaya khas untuk golongan belia yang julung kali diadakan secara dalam talian ini telah dilaksanakan oleh agensi di bawah KSM iaitu **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)**. Karnival pekerjaan ini menyaksikan **lebih 8,300 kekosongan jawatan ditawarkan oleh 26 majikan**.
3. Sepanjang tiga hari karnival, penganjur menerima penyertaan seramai **13,246 belia dari seluruh negara**.
4. Seramai **65 calon telah ditawarkan pekerjaan serta-merta** apabila berjaya dalam temuduga terbuka secara maya yang diadakan sepanjang Karnival. Manakala 320 calon telah berjaya ke temuduga pusingan kedua.
5. Selain daripada temuduga terbuka, aktiviti lain dalam Karnival tersebut termasuk **webinar kerjaya** yang disampaikan oleh wakil majikan dan pakar professional. Sebanyak 5 sesi webinar telah diadakan yang memberi fokus kepada peluang pekerjaan semasa, persediaan untuk kerjaya dan kebolehpekerjaan. Webinar ini telah menarik minat lebih daripada **3,300 peserta**.
6. Saya bersama rakan sejawat, Menteri Belia dan Sukan YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican telah menyempurnakan Majlis Perasmian Karnival PenjanaKerjaya Belia 2020 secara dalam talian pada 24 November 2020, yang disertai oleh 873 orang

peserta. Saya berbesar hati apabila YB Dato' Sri Reezal Merican, dalam ucapannya, telah menggesa golongan belia untuk merebut peluang pekerjaan yang ditawarkan majikan menerusi Portal Pekerjaan Nasional, MYFutureJobs (myfuturejobs.gov.my).

7. Penganjuran karnival kerjaya maya oleh kedua-dua Kementerian ini bertujuan membantu golongan belia Malaysia yang menganggur agar berpeluang menghadiri temuduga kerja dan seterusnya memperoleh pekerjaan dengan bantuan inisiatif-inisiatif Kerajaan walaupun sesetengah negeri kini dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat.
8. Menurut data Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO, sehingga 20 November 2020, **lebih 62 peratus** daripada pekerja yang kehilangan pekerjaan adalah dari kalangan belia. Majoritinya berusia antara **25 – 29 tahun**, iaitu seramai 19,396 orang.
9. Berdasarkan rekod Kementerian Belia dan Sukan, **kadar pengangguran belia telah meningkat kepada 9.0%**. Susulan **Agenda Pemerkasaan Belia**, kedua-dua Kementerian komited untuk bekerjasama dalam isu yang melibatkan peluang pekerjaan, pewujudan pekerjaan-pekerjaan baharu, latihan kemahiran serta akses kepada dana dan kemudahan untuk belia.
10. Memandangkan negara terus berdepan dengan cabaran pandemik Covid-19, KSM akan menggandakan usaha dalam melaksanakan program-program peluang pekerjaan bersama dengan rakan strategik demi mengurangkan kadar pengangguran terutamanya di kalangan belia di negara ini. KSM juga akan melaksanakan beberapa inisiatif di bawah Belanjawan 2021 untuk mengurangkan kadar pengangguran dan merancakkan pasaran buruh negara.

DATUK SERI M. SARAVANAN

MENTERI SUMBER MANUSIA

PUTRAJAYA

29 NOVEMBER 2020